

# Malaysia kutuk pencerobohan askar Vietnam

KUALA LUMPUR, Isnin — Malaysia hari ini mengutuk sekeras-kerasnya pencerobohan dan penyerangan Vietnam terhadap wilayah negara Thai.

Menteri Luar Tan Sri Ghazali Shafie dalam sepucuk kawatnya kepada rakan sejawatnya Ketua Marsyal Udara Siddhi Savetilo, berkata kerajaan Malaysia memandang peristiwa itu dengan kebencian yang teramat sangat.

"Perbuatan yang keji itu hanya boleh menyebabkan usaha-usaha mencari penyelesaian terhadap masalah penduduk tentera Vietnam di Kampuchea bertambah sulit," katanya.

Menurutnya, beliau terhoru mendapat tahu daripada laporan-laporan akhbar bahawa beberapa orang tentera Thai telah terkorban sementara yang lain cedera ketika mempertahankan negeri Thai daripada serangan-serangan tentera Vietnam itu.

Bagi pihak kerajaan dan rakyat Malaysia, beliau melahirkan simpati yang teramat sangat kepada kerajaan dan rakyat negeri Thai terhadap tindakan biadap dan secara terbuka oleh pihak Vietnam yang "kami kutuk dengan sekeras-kerasnya."

Beliau juga meminta supaya disampaikan ucapan takziah kepada keluarga askar-askar yang terkorban demi mempertahankan negara dengan beraninya. — Bernama.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia